كوڠݢريس بليا كبڠسا‌ءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# HASIL BENGKEL
# KONGRES BELIA KEBANGSAAN 2019

كوڠڬريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# 1. BELIA SIAGA MASA DEPAN

# 4 PERSOALAN UTAMA

1. Bagaimanakah kita patut mendefinisikan Siaga Masa Depan?
2. Apakah kebimbangan semasa akan hal masa hadapan?
3. Bagaimanakah persediaan awda bagi menghadapi masa depan?
4. Bagaimanakah kita patut mengimbangi calak Brunei dengan tuntutan masa depan?

# DEFINISI SIAGA MASA DEPAN

كوڠڬريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# INDIVIDU

Beberapa unsur penting yang meliputi:

## 1. Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan

- Keselamatan kewangan
- Persekitaran yang selamat dari sebarang jenayah
- Akses kepada perkhidmatan kesihatan
- Negara yang bersih dan hijau

## 2. Kebolehsuaian Kemahiran

- Belia boleh menyesuaikan diri kepada perubahan masa kini dan masa depan
- Memerlukan belia Brunei untuk menerapkan kemahiran yang '*transferable*' dan '*versatile*' seperti kemahiran abad ke 21 ; kemahiran teknologi dan kemahiran insaniah ('soft skills')

## 3. Pembangunan Karakter

- Masyarakat adalah diasaskan dengan sifat keyakinan dan pemikiran positif
- Kedayatahanan mental
- Pemikiran positif boleh menyumbang ke arah kebolehan untuk menjadi '*resourceful*' dan bersifat keusahawanan.

# MASYARAKAT

Masyarakat yang siaga masa depan adalah masyarakat yang

- Merasa selesa dengan kemajuan teknologi
- Mempunyai perancangan masa depan
- Berkemahiran tinggi
- Proaktif
- Saling bantu-membantu tanpa dipinta
- Mampu menyesuaikan diri dengan perubahan, mampu menyelesaikan masalah, dan membina komuniti yang saling membantu
- Membekalkan perancangan bagi mengatasi situasi-situasi di masa hadapan

Nilai-nilai lain: kerjasama, memberi sokongan dan galakan, keberanian, menyahut cabaran, berilmu dan berpendidikan, berkesatuan, mempunyai matlamat yang jelas dan mampu mencapainya, berpengalaman, minda yang cekal dan kepimpinan.

# INSTITUSI

Berwawasan, tangkas & mampu menyesuaikan diri dengan perubahan semasa dalam masa yang sama menerapkan nilai-nilai teras
Mempunyai prasarana yang kukuh di tahap nasional dan antarabangsa yang berteknologi inovatif

Nilai-nilai Teras:

- Merangkumi secara keseluruhan
- Cekap
- Tahan lasak
- Celik teknologi
- Berkomitmen kepada alam sekitar
- Mewujudkan suasana yang telus dan efisien di antara sektor kerajaan dan pihak awam
- Kelestarian (*Sustainability*)

# KEBANGSAAN

كوڠڬريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

- Masyarakat mampu bertahan dalam apa jua keadaan Negara dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial
- Menjadi rujukan dalam bidang tertentu seperti bidang industri halal
- Belia berpendidikan
- Pengetahuan kepada kemahiran *digital* dan dibekalkan dengan keperluan dan kemahiran abad ke-21
- Belia kebolehsuaian (*Adaptability*) dan berdaya saing
- Kesenangan bagi orang ramai dalam memperolehi data
- Menguatkan hubungan kerjasama antara di tahap nasional dan antarabangsa (sosial, ekonomi & persekitaran)

# KEBIMBANGAN AKAN MASA DEPAN DAN PERSEDIAAN BAGI MENGHADAPI MASA DEPAN

كوڠݢريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **1. Individu** | 1.1 Peningkatan masalah sosial akibat kadar pengangguran yang meningkat.<br><br>1.2 Kurang kesefahaman di antara generasi muda dan lebih tua<br><br>1.3 Terlalu bergantung kepada bantuan kebajikan. | Memberikan galakan dan meningkatkan sokongan kepada kumpulan sasaran dengan menyediakan pelbagai program-program pembangunan kemahiran dan sumber tenaga manusia yang dapat memberikan impak<br><br>Memperkukuhkan kerjasama di kalangan belia dengan golongan lebih tua melalui perundingan di setiap peringkat seperti kampong-kampong, mukim-mukim dan juga negara dalam memberikan peluang serta suara yang kepada golongan belia untuk terlibat sama dalam mana-mana penilaian dan keputusan |

| | **Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan** | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **1. Individu** | 1.4 Pembelajaran terhad kepada bilik darjah.<br><br>1.5 Penerapan Melayu Islam Beraja kurang berkesan kepada generasi muda.<br><br>1.6 Penekanan ke atas keseriusan masalah mental dan penerimaannya.<br><br>1.7 Kurang kesedaran dan tindakan tentang isu perubahan cuaca iklim. | Membudayakan dan memperkasa konsep *'Life-Long Learning'* atau pembelajaran sepanjang hayat di setiap peringkat pendidikan dan profesional sebagai paksi kepada pembentukan belia yang menyeluruh dan cenderung kepada pembangunan insan yang berkemahiran dalam.<br><br>Memberikan tumpuan dan galakan untuk pendidikan jangka masa panjang yang baharu seperti kemahiran kreatif, kemahiran teknologi maklumat dan lain-lain lagi. |

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **2. Masyarakat** | 2.1 Institusi keluarga yang tidak stabil<br><br>2.2 Keganasan rumah tangga dan kekerasan seksual<br><br>2.3 Masalah kewangan<br><br>2.4 Masyarakat kurang kondusif<br><br>2.5 Kurang penglibatan dari komuniti<br><br>2.6 Terjejas kesihatan mental | Menerapkan dan melaksanakan sistem pendidikan Moral kepada sistem pendidikan bagi kanak-kanak bagi kesinambungan ciri-ciri keBruneian. Moral dalam konteks ini tidak terhad dalam bentuk ajaran ugama mahupun kaum akan tetapi tertumpu kepada pembangunan insani.<br><br>Memberi pendidikan dan kesedaran mengenai |

كوڠݢريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **2. Masyarakat** | 2.7 Kurangnya program-program susulan dan pengawasan dari pihak berkenaan mengenai kebajikan masyarakat<br><br>2.8 Kurangnya perlaksanaan pelan strategik<br><br>2.9 Pemantaunan (perlaksanaan dan penguatkuasaan) dari pihak yang berkenaan mengenai isu alam sekitar | Keperluan bagi penambahbaikan serta mengkaji semula sistem serta resolusi dan dasar yang ada dalam memberikan panduan serta perkembangan kepada para *stakeholder* yang berkenaan.<br><br>Pelan strategik dari pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan keusahawanan sosial |

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **3. Institusi** | 3.1 Isu-isu dalaman seperti kerjasama, transparensi, projek terhambat kerana adanya pertukaran pentadbiran atau kepimpinan, system and prosedur yang kurang efisien, komunikasi yang kurang efektif dan transparen, perhubungan awam memerlukan peningkatan, dan perubahan cuaca. | 3.1 Miliki Sistem dan prosedur yang berkesan<br>● Orang-orang yang berkelayakan dalam mempersetujui pembentukan prosedur<br>● Memiliki teknologi yang dapat membantu kepada pemprosesan<br>● Menilai pemprosesan prosedur |

| | **Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan** | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **3. Institusi** | 3.2 Isu-isu luaran seperti sektor Pendidikan kurang progresif, cara pemikiran dan nilai teras, kurang mempraktikkan MIB, kurangnya kepercayaan terhadap penduduk dan produk tempatan, kesempatan sama rata bagi kedua jantina dan umur, celik teknologi dan kesihatan mental.<br><br>3.3 Pertanggungan yang tinggi terhadap kerajaan sehingga kurang mengetahui dan menghargai perbelanjaan kerajaan. Juga, jika perbelanjaan kerajaan kurang strategik maka ianya menjadi kurang berdaya tahan. | 3.2 Mindset<br>○ Latihan dan bimbingan mentor<br>○ Panduan<br>○ Pendidikan yang progresif<br><br>3.3 Plan Strategi dan penganalisa projek-projek<br>● Kerjasama di antara kementerian-kementerian dalam menjana intiatif-initiatif baru<br>● Kepelbagaian dalam '*Revenue Stream*' dan ekonomi |

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **3. Institusi** | 3.4 Defisit belanjawan; kurangnya kelestarian dan persaingan dalam perniagaan serta perlunya bagi pelaburan strategik<br><br>3.5 Pengangguran; tidak ada perancangan pewarisan yang teliti dan tidak ada ramalan pekerjaan yang teliti<br><br>3.6 Perkembangan yang lembap; pita merah, kurang komunikasi dan kerjasama di antara sektor kerajaan dan pihak awam | Memberikan kesedaran tentang keutamaan pendidikan<br><br>Pengiklanan yang berkesan seperti promosi kepada masyarakat.<br><br>Menswastakan, perhubungan dan ketelusan |
| **4. Kebangsaan** | 4.1 Eksploitasi tenaga kerja lokal. Bayaran yang diterima oleh pekerja adalah tidak setimpal dengan pekerjaan yang dibuat (bayaran terlalu rendah). | |

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **4. Kebangsaan** | 4.2 Isu Sosial - kurangnya rasa motivasi diri kerana mengetahui bahawa selalunya adanya pertolongan. Tiada semangat untuk berjuang. Meningkatnya masalah seksual, budaya lepak yang negatif dan keperluan untuk mempertingkatkan lagi sistem keselamatan alam maya.<br><br>4.3 Safety and security<br><br>4.4 Mengubah cara pemikiran. Terpengaruh dengan pemikiran Barat yang negatif. Kurangnya jati diri akibat terpengaruh. | Mengadakan persidangan seperti kongres Belia Kebangsaan.<br><br>Memperbanyakkan dan mempertingkatkan bidang kaji selidik dan pembangunan (research and development) sebelum membuat pelaburan. Menjadikan bidang kaji selidik dan pembangunan sebagai fokus utama. Kerajaan have to push the idea kepada rakyatnya untuk mempromosi bidang kaji selidik dan pembangunan. Sebagai contoh, kebergantungan negara kepada minyak dan gas saja. |

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **4. Kebangsaan** | 4.5 Sistem pendidikan. Sebagai contoh, mahu mengikut negara lain yang berjaya tetapi mempunyai peruntukkan yang terhad yang menjadikan sesebuah sistem yang baru itu menjadi gagal. Terlalu mementingkan stastistik kejayaan pelajar, contohnya "O" Level. | Pendidikan: bukan sahaja subjek yang biasa, akan tetapi subjek personal, sosial, kesihatan dan pendidikan ekonomi |
| | 4.6 Alam sekitar - pelupusan sampah yang bersesuaian dan berkesan seperti di negara luar.<br><br>4.7 Ketidakpadanan dan kurang penggunaan kemahiran-kemahiran membawa kepada brain drain | The government needs to reaffirm their initiatives under research and development plus innovations departments and to promote collective effort amongst various stakeholders in diverse fields. |

كوڠݢريس بليا كبڠسا‌ءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

| | Kebimbangan dan Persiapan bagi menghadapi masa depan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **4. Kebangsaan** | 4.8 Rakyat kurang berusaha<br><br>4.9 Pengaruh negatif dari Barat menghakis penghargaan MIB<br><br>4.10 Pembelajaran secara terpaksa<br><br>4.11 Keselamatan dan jaminan negara terutama sekali akan serangan jenayah siber<br><br>4.12 Keluaran Dalam Negara Kasar tidak stabil kerana harga minyak turun naik | National Brand: Market. Evidence based |

كوڠݢريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# PENYEIMBANGAN CALAK BRUNEI DENGAN TUNTUTAN MASA DEPAN

| | Cadangan |
|---|---|
| **1. Individu** | Penekanan ideologi Melayu Islam Beraja (MIB)<br><br>● MIB sebagai Budaya & Warisan negara melalui seni kreatif dan media sosial<br>● Memastikan sumber maklumat adalah sedia ada<br>● Bangga menjadi rakyat Brunei “Proud to Be Bruneian”<br>● Memberi pengenalan MIB secara menyeluruh |
| **2. Masyarakat** | Masyarakat perlunya mencari jalan dalam memodenkan cara-cara penyebaran dan pembelajaran untuk menarik minat generasi di dalam mengekalkan nilai budaya keBruneian.<br><br>Badan bukan kerajaan, ahli jawatankuasa hal ehwal masjid, dan lain-lain perlu mewujudkan sistem sokongan bersandarkan dasar yang lebih tegas |

| | |
|---|---|
| **3. Institusi** | ● Menerapkan nilai-nilai keBruneian di dalam kehidupan seharian<br>● Menggabungkan & mempromosikan nilai-nilai dan identiti keBruneian |
| **4. Kebangsaan** | Kepentingan Jati diri<br>● Pendidikan akhlak dari pra ke tahun 3. Sebagai contoh seperti yang dilakukan di negara Jepun, kanak-kanak menghadiri kelas pendidikan akhlak selama beberapa tahun sebelum diajarkan secara akademik.<br>● Pendidikan sejarah; agar belia turut berkongsi rasa kekitaan<br>● Mengubah cara pemikiran.<br>● Menjadikan budaya di negara kita unik dan mendapat perhatian negara luar.<br><br>Meningkatkan dan mempromosikan nilai-nilai teras |

كوڠڬريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# HASIL BENGKEL
# KONGRES BELIA KEBANGSAAN 2019

# 2. PENGLIBATAN BELIA

# ISI PERBINCANGAN

Inisiatif meningkatkan penglibatan belia di dalam dan / atau melalui;

1. Aspek Pendidikan ;
2. Aspek Kesihatan ;
3. Aspek Agama ;
4. Aspek Politik ;
5. Aspek Ekonomi ;
6. Aspek Teknologi dan Inovasi ; dan
7. Aspek Alam Sekitar.

# ASPEK PENDIDIKAN

| | 1. Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Pendidikan; | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Individu** | • Sebilangan para belia mempunyai mindset yang ingin berada di dalam zon selesa sahaja ;<br><br>• Sebilangan ibu bapa melihat penglibatan belia di dalam masyarakat boleh menjejaskan pendidikan anak-anak ;<br><br>• Kurangnya pendedahan awal di peringkat sekolah mengenai kepentingan penglibatan belia ; dan<br><br>• Kekurangan peluang penglibatan untuk orang istimewa. | • Membina sistem sokongan dan dorongan bagi belia melibatkan diri secara aktif di dalam masyarakat melalui sistem “mentorship” yang bermula di peringkat sekolah menengah<br><br>• Mewujudkan sesi kongsi sama di antara para ibu bapa, penuntut dan pihak sekolah untuk meningkatkan kesedaran kepentingan dan impak penglibatan belia |

| | 1. Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Pendidikan; | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Institusi** | • Sistem pendidikan hendaklah menilai seseorang itu secara holistik dengan mengambil kira penglibatan belia dalam pembangunan masyarakat di dalam penilaian;<br><br>• Memastikan setiap pelajar mempunyai peluang yang sama dalam penglibatan aktiviti bukannya hanya tersekat kepada “high-achiever” sahaja. | • Mewujudkan mekanisma bagi merekod, menilai dan memberikan penghargaan bagi penglibatan belia yang aktif, sebagai contoh kelayakan bagi menamatkan pengajian. |

| | 1. Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Pendidikan; | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Kebangsaan** | • Kurikulum sekolah tidak memasukkan mana-mana kepentingan meningkatkan penglibatan belia menyebabkan kurangnya kesedaran;<br><br>• Hanya persatuan – persatuan belia yang beruniform boleh melibatkan diri di dalam aktiviti ko-kurikulum, manakala persatuan belia yang tidak beruniform tidak mempunyai kelab-kelab di dalam sekolah. | • Memperkenalkan korikulum/syllabus NGO/COP(Community Outreach Programme) yang mandatori dari peringkat awal pendidikan;<br><br>• Melibatkan persatuan yang tidak beruniform untuk membuka kelab-kelab belia di sekolah-sekolah. |

کوڠڬريس بليا کبڠساءن
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# ASPEK KESIHATAN

| | 2. Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek kesihatan | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Masyarakat** | • Kurang kesedaran dan stigma mengenai isu kesihatan mental<br>• Kekurangan sokongan moral daripada keluarga dan masyarakat dalam menangani isu-isu kesihatan seperti kesihatan mental, fizikal dan reproduktif<br>• Kekurangan dari segi Sokongan Belia/ *Youth advocacy* dalam isu kesihatan (fizikal, orang kurang upaya, sistem reproduktif, penyalahgunaan bahan). | • Penubuhan NGO pimpinan belia khusus bagi isu kesihatan mental untuk mendokong usaha-usaha Kementerian Kesihatan<br>• Memperkasa golongan belia seperti Pembimbing Rakan Sebaya dengan memberi latihan yang relevan untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menangani masalah kesihatan<br>• Menerapkan pendidikan kesihatan fizikal, mental dan reproduktif ke dalam korikulum pendidikan sekolah<br>• Golongan belia yang dikenalpasti sebagai 'influencers' yang positif untuk menggunakan platform media sosial mereka untuk meningkatkan kesedaran isu-isu kesihatan |

# ASPEK AGAMA

| | 3. Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek agama; | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Individu & Masyarakat** | • Kurang celik dalam penghayatan pengetahuan Agama Islam terutama dalam tadabbur Al-Quran<br><br>• Kurang penglibatan belia dalam aktiviti-aktiviti berunsurkan keagamaan<br><br>• Kurang kehadiran orang ramai terutamanya para belia di masjid-masjid | • Badan-badan yang relevan perlu aktif dalam memberigakan ilmu yang berhubungkait dengan Pengetahuan Agama Islam dan program-program keagamaan dalam cara yang lebih komprehensif, kreatif dan inovatif untuk menarik perhatian belia dari segi pengisian, cara penyampaian, bahasa dan teknologi media yang digunakan<br><br>• Memantapkan kualiti para penceramah dan pendakwah belia tempatan dengan memberi latihan dan pendedahan antarabangsa<br><br>• Mengoptimakan penggunaan masjid-masjid secara kreatif untuk mengadakan aktiviti-aktiviti berkebajikan yang dapat menyatukan belia dan orang ramai yang bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim |

| | 3. Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek agama; | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Kebangsaan** | • Sistem Pelajaran Ugama perlu dilanjutkan dan tidak terhad sehingga Darjah Enam sahaja.<br><br>• Penggubalan dasar-dasar keagamaan yang tidak inklusif | • Penelitian dan pengemaskinian korikulum pendidikan agama supaya ia lebih relevan bagi tahap para penuntut, mahasiswa & mahasiswi untuk menghayatinya dan bukan sekadar menghafal sahaja<br><br>• Penglibatan para belia dan lepasan graduan dalam penubuhan platform Pembelajaran Islam (*Islamic Hub*) sepanjang hayat yang memberikan peluang kepada orang ramai untuk bersama-sama menghayatii agama Islam.<br><br>• Kolaborasi di antara agensi-agensi kerajaan dan penglibatan belia dalam penggubalan dasar-dasar keagamaan |

# ASPEK EKONOMI

| Peningkatan Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Ekonomi; | |
|---|---|
| **Isu** | **Cadangan** |
| • Sebahagian belia terasa teraniaya apabila melaksanakan aktiviti sukarelawan daripada individu yang menyalahgunakan sukarelawan bagi kepentingan peribadi;<br><br>• Para belia kurang mahir dalam memperolehi dana bagi menjayakan sesebuah aktiviti. | • Penubuhan Akta Sukarelawan bagi melindungi sukarelawan di Negara Brunei Darussalam;<br><br>• Menyediakan mekanisme pengumpulan dana untuk belia mengadakan aktiviti. |

# ASPEK POLITIK

| | Peningkatan Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Politik; | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Individu** | • Para belia kurang mengetahui proses dan kaedah pendaftaran pertubuhan dan proses yang sedia ada terlalu rumit dan tidak kondusif kepada persatuan yang baru berjinak-jinak. | • Menggubal dasar dan peraturan yang sedia ada yang berkaitan dengan pendaftaran pertubuhan bagi kemudahan penglibatan belia dan pemberigaan mengenai proses pendaftaran kumpulan belia untuk dilaksanakan dengan lebih efisiyen. |

| | | |
|---|---|---|
| | Peningkatan Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Politik; | |
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Komuniti** | • Kekurangan platform atau ruang untuk para belia menyuarakan pendapat dan terlibat dan penyediaan mana-mana polisi; | • Meningkatkan kapasiti dan fungsi Majlis Belia Brunei sebagai tumpuan / rujukan utama dalam menyelaraskan aktiviti kebeliaan di peringkat kebangsaan dan membekalkan program-program pembinaan kapasiti yang bersesuaian bagi menggerakkan aktiviti belia di peringkat kampong dan mukim.<br><br>• Menggalakkan penglibatan belia yang tidak berpersatuan dengan mengenalpasti kemahiran mereka sama ada dari segi kesenian, sukan dan sebagainya yang dapat disalurkan melalui platform yang bersesuaian seperti acara kebesaran. |

| | Peningkatan Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Politik; | |
|---|---|---|
| | **Isu** | **Cadangan** |
| **Kebangsaan** | • Wujudnya jurang di antara belia dan kepimpinan di pihak kerajaan.<br><br>• Penglibatan wakil belia dalam Majlis Mesyuarat Negara masih kurang<br><br>• Tiada penglibatan belia dalam Kabinet serta penyertaan aktif dalam penggubalan dasar dan perancangan strategik | • Meningkatkan peluang bagi belia untuk melibatkan diri secara langsung dengan Wawasan Brunei 2035 melalui jaringan profesional, seperti 'Young Executive Programme' yang melibatkan belia-belia dari pelbagai kementerian untuk bekerjasama menangani masalah sosial.<br><br>• Memastikan penglibatan belia dalam penyediaan pelan strategik yang berkaitan bagi setiap Kementerian di Negara Brunei Darussalam agar belia dapat memainkan peranan mereka dalam menyumbang dan mendokong pelaksanaan pelan-pelan strategik berkenaan.<br><br>• Memperkasa organisasi belia yang sedia ada dengan meningkatkan kerjasama di antara pihak Kerajaan dengan organisasi belia dalam menjayakan program-program berskala nasional. Latihan yang berorientasikan kepada pembentukan dan pengukuhan kapasiti, kapabiliti, dan daya kepimpinan belia dalam persatuan perlu sering diadakan bagi penyediaan generasi penerus/pelapis dalam pentadbiran persatuan. |

# ASPEK ALAM SEKITAR

| Peningkatan Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek pembangunan Alam Sekitar; | |
|---|---|
| **Isu** | **Cadangan** |
| • Kurang kesedaran dari aspek pendidikan terhadap alam persekitaran<br><br>• Kurangnya budaya menjaga kebersihan dan kitar semula. | • Memperbanyakkan program pembangunan belia dan kesedaran mengenai kepentingan alam sekitar; dan<br><br>• Menyediakan mekanisme yang membolehkan sistem kitar semula menjadi peluang pekerjaan bagi para belia dan / atau menjana kewangan bagi mana-mana individu. |

# ASPEK TEKNOLOGI DAN INNOVASI

| 6. Penglibatan Belia di dalam dan / atau melalui aspek teknologi dan inovasi; | |
|---|---|
| **Isu** | **Cadangan** |
| • Kebanyakan institusi dan agensi kerajaan masih menggunakan sistem pendaftaran dan pengumpulan data secara manual<br><br>• Kurang pelaburan dalam infrastruktur teknologi yang terkini bagi menarik minat dan penglibatan belia seperti dalam bidang media & infokomunikasi | • Meningkatkan penggunaan borang-borang digital dan *centralized databases* yang mudah diakses untuk memudahkan penglibatan belia dalam mengikuti program-program dan mendapat maklumat terkini dengan cepat<br><br>• Meningkatan penglibatan belia dari industri kreatif untuk menaiktaraf media massa kebangsaan |

كوڠڬريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# HASIL BENGKEL
# KONGRES BELIA KEBANGSAAN 2019

كوڠڬريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

# 3. KEUSAHAWANAN

# ISI PERBINCANGAN

Mengenalpasti bidang-bidang yang penting dalam keusahwanan melalui:

1. Pembangunan Keusahawanan
2. Perkembangan Perniagaan
3. Inovasi
4. Pembangunan Industri

كوڠݢريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

| Focus Key Discussion | PEMBANGUNAN KESUSAHWANAN (ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT) | |
|---|---|---|
| | **Issues** | **Recommendations** |
| **1. Individual** | 1.1 Kekurangan keyakinan diri, kepercayaan, sokongan dan latihan.<br>. | 1.1. Menggalakkan amalan mentorship (sama ada struktur/tidak berstruktur) atau tabiat berkongsi ilmu ke arah pengeluaran idea yang unik, praktikal dan berkesan serta penggunaan amalan yang terbaik.<br><br>Menggunakan platform untuk membuktikan kredibiliti seperti BEES, JA Competition. Menggalakkan penggunaan alat teknologi dan open source learning dalam meningkatkan kapasiti seperti ASEAN SME Academy. |
| **2. Community** | 2.1 Kurang kesedaran dan kefahaman oleh ibu bapa untuk menanam sifat keusahawanan dalam mendidik anak dari peringkat umur awal. | 2.1 Inisiatif menyeleraskan atau meningkatkan kesedaran ibu bapa dengan dialog aktif bersama usahawan melalui forum ataupun berkerjasama dengan badan-badan untuk mengenal pasti keperluan dan memastikan matlamat jangka panjang dipenuhi.<br><br>Memperkenalkan workshop P.T.E.N. - 'Parent Teachers Enterprepeneurship Network' untuk mendidik ibu bapa tentang bagaimana keusahawanan dapat memberi manfaat kepada anak-anak mereka. |

| Focus Key Discussion | PEMBANGUNAN KESUSAHWANAN (ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT) | |
|---|---|---|
| | Issues | Recommendations |
| 2. Community | 2.2 Kurang penghargaan terhadap produk dan servis yang ditawarkan oleh usahawan. | 2.1 Menggalakkan 'brand awareness' supaya masyarakat memahami nilai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan |
| 3. Institutional | 3.1 Mata pelajaran dalam sistem pendidikan adalah terhad. Tiada subjek yang menjurus kepada 'Life Skills' dan kurangnya pendedahan kepada perniagaan sebenar. | 3.1 Memperkenalkan kurikulum berbentuk keusahawanan dan menggalakkan pendedahan kepada industri dari sekolah menengah. |
| 4. National | 4.1 Mengubah 'mindset' | 4.1 Memperkenalkan workshop P.T.E.N. - 'Parent Teachers Enterpreneurship Network' untuk mendidik ibu bapa tentang bagaimana keusahawanan dapat memberi manfaat kepada anak-anak mereka. |

| Focus Key Discussion | PERKEMBANGAN PERNIAGAAN (BUSINESS GROWTH) | |
|---|---|---|
| | Issues | Recommendations |
| 1. Individual | 1.1 Kecelikkan kewangan '*financial literacy*' masih berkurangan yang boleh membantu usahawan untuk membuat 'financial decisions' yang lebih baik | 1.1 Menekankan kemahiran *numeracy* dan *literacy* pada usia muda. Meningkatkan pendedahan pelajar terhadap aktiviti yang akan menanamkan tingkah laku kewangan yang baik (simpanan, pelaburan, menguruskan wang) |
| 2. Community | 2.1 Kurang perkongsian sumber dalam masyarakat | 2.1 Menggalakkan perkongsian sumber antara industri yang sama untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti secara bersama |
| | 2.2 Jurang dalam 'urban planning' yang membawa kepada '*missed opportunities*' | 2.2 Menyediakan tempat perniagaan dalam apa2 'urban plan'. Eg Eco-Corridor. |

كوڠڬريس بليا كبڠساٴن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

| Focus Key Discussion | PERKEMBANGAN PERNIAGAAN (BUSINESS GROWTH) | |
|---|---|---|
| | **Issues** | **Recommendations** |
| **3. Institutional** | 3.1 **Pendidikan:** Sistem pendidikan perlu menerapkan aspek praktikal dalam perniagaan.<br><br>3.2. **Kewangan:** Membenarkan rakyat Brunei melabur dalam syarikat-syarikat di dalam dan di luar negeri.<br><br>3.3 **Logistik:** Kemudahan awam di Brunei kekurangan dari segi aksesibiliti dan 'reliability' | 3.1 Menggalakan pendidikan teknikal dan vokasional bagi memberikan lebih pilihan bagi belia untuk menggunakan skill-skill yang dipelajari.<br><br>3.2 Penubuhan sebuah infrastruktur pelaburan di Brunei dimana orang ramai boleh melabur ke dalam bisnes-bisnes lokal<br><br>3.3 Peta kemudahan awam di mana-mana sebagai rujukan mudah dan hadkan jumlah pemilik kereta. |

کوڠݢريس بليا کبڠساءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

| Focus Key Discussion | PERKEMBANGAN PERNIAGAAN (BUSINESS GROWTH) | |
|---|---|---|
| | Issues | Recommendations |
| 4. National | 4.1 Tiada gaji minima bagi industri-industri berlainan | 4.1 Setiap industri hendaklah memiliki upah minimum tersendiri kerana kemahiran yang diperlukan dari pelbagai industri adalah berlainan |
| | 4.2 Ketidakupayaan seseorang untuk mencari hasil pendapatan lain diluar waktu bekerja terutamanya mereka yang mempunyai pekerjaan tetap. | 4.2 Menggalakkan syarikat-syarikat dan agensi-agensi lain untuk menerima pekerja part-time. Memperkenalkan “flexible/core working hours”. |

| Focus Key Discussion | INOVASI | |
|---|---|---|
| | Issues | Recommendations |
| 1. Individual | 1.1 Kurang 'drive', dorongan dan kebebasan dalam membuat keputusan dan mengambil risiko | 1.1 "Ia memerlukan sebuah kampung untuk membesarkan anak". Sokongan, pemahaman dan penglibatan dari dan bersama keluarga dan masyarakat. |
| 2. Community | 2.1 Kurang kerjasama antara perniagaan dan keengganan untuk berkongsi sumber dan teknologi | 2.1 Memperkenalkan platform untuk perkongsian data bagi mengambil kesempatan daripada skala ekonomi dan proses yang lebih cekap |
| 3. Institutional | 3.1 Kurang pemantauan dari pihak sekolah dalm hal pelajar khususnya dari aktiviti ko-kurikulum. | 3.1 Meluangkan tenaga dan masa dalam berkhidmat dengan masyarakat. Mengadakan pertandingan berbentuk keusahawanan di peringkat sekolah. |

| Focus Key Discussion | INOVASI | |
|---|---|---|
| | **Issues** | **Recommendations** |
| **4. National** | 4.1 Terhad polisi di Brunei dalam tenaga pekerja terutamanya kaum belia berumur 18 tahun ke bawah.<br><br>4.2 Terhadnya polisi di Brunei dalam mengembangkan inovasi | 4.1 Mengurangkan had umur tenaga pekerja kepada 15 tahun ke atas.<br><br>4.2 Menubuhkan sebuah AJKT yang memfokuskan pada inovasi di pelbagai industri supaya dapat *anticipate* perubahan dalam inovasi dan teknologi yang akan digunakan oleh usahawan-usahawan. |

كوڠݢريس بليا كبڠساءن
Kongres Belia Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

| Focus Key Discussion | PEMBANGUNAN INDUSTRI (INDUSTRI DEVELOPMENT) | |
|---|---|---|
| | Issues | Recommendations |
| 2. Institutional | 2.1 Kekurangan institusi yang 'industry ready' | 2.1 Mewujudkan tatacara/skim pembayaran antarabangsa menerusi AMBD yang mampu memberikan sokongan dalam industri pengeluaran (export industry). Menyediakan 'industry attachments' lebih daripada sekali yang berkaitan dan juga tidak berkaitan dengan pembelajaran. |
| 3. Community | 3.1 Kekurangan organisasi sosial atau pertubuhan/persatuan dalam keusahawanan - Lacks off Socials entrepreneur association | 3.1 Memberi fokus kepada kumpulan pengguna seperti micro bloggers/media sosial. Menubuhkan kumpulan penyelidikan pasaran di dalam negeri dan serantau untuk mencari peluang di pasaran asing. |

| Focus Key Discussion | PEMBANGUNAN INDUSTRI (INDUSTRI DEVELOPMENT) | |
|---|---|---|
| | Issues | Recommendations |
| 4. National | 4.1 Kekurangan 'employment readiness' | 4.1 Memperbaiki program-program internship atau attachment untuk merangkumi bukan sahaja technical skills tapi juga soft skills. |